



Roadshow UMS 2012

Artikel oleh: Carolyn Melissa Payus

Sekolah Sains dan Teknologi (SST) telah mengadakan Pameran Pendidikan atau *roadshow* Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke beberapa kawasan pedalaman sekitar Sabah secara berperingkat-peringkat, iaitu melibatkan kawasan daerah Papar, Beaufort, Sipitang, Keningau, Tenom, Labuan, Tawau, Semporna, Lahad Datu, Sandakan, Ranau, Tuaran, Tamparuli, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat dan berakhir di daerah Kota Kinabalu. Pameran Pendidikan ini telah berlangsung selama sebulan lebih iaitu bermula pada 21 Februari 2012 dan berakhir pada 1 April 2012. Program seperti ini diadakan oleh UMS bagi memberi informasi serta pendedahan mengenai peluang-peluang untuk memasuki UMS kepada pelajar-pelajar yang masih berada di alam persekolahan menengah dan juga sekolah rendah atau pihak luar serta ahli keluarga pelajar, dan sememangnya telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.



Wakil SST yang sedang menyampaikan taklimat kepada pelajar.



Roadshow UMS di Lahad Datu bertempat di Sekolah Menengah Sains Lahad Datu.